

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 17 November 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
MY LOCAL STATS 2021**

---

**My Local Stats 2021 menyediakan pelbagai maklumat sosioekonomi utama di peringkat daerah, Petaling merekodkan penduduk tertinggi iaitu 2.32 juta orang**

**PUTRAJAYA, 17 NOVEMBER 2022** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan My Local Stats 2021 yang merupakan penerbitan siri kelima sejak 2017. Penerbitan My Local Stats dikeluarkan bagi kesemua 156 daerah pentadbiran. Selain daripada itu, ia turut menerbitkan satu penerbitan bagi keseluruhan negara, 13 penerbitan negeri dan tiga penerbitan Wilayah Persekutuan. Penerbitan ini menyediakan statistik yang diperlukan bagi perancangan pembangunan yang mampan. Ia mengintegrasikan statistik ekonomi dan sosial di peringkat daerah pentadbiran bagi siri masa 2019 hingga 2021.

Ketersediaan statistik di peringkat tempatan yang lebih terperinci memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan daerah dalam menambahbaik dasar, tadbir urus dan keperluan sosioekonomi rakyat. Justeru itu, apabila berlaku ketidakseimbangan sosioekonomi di peringkat global, data yang tersedia sehingga peringkat daerah dapat menjadi input penting dalam penyediaan perancangan yang lebih bersasar berbanding ketersediaan data di peringkat negeri dan nasional sahaja.”

Penerbitan ini meliputi 12 bidang sosial dan lapan bidang ekonomi antaranya, Penduduk; Perumahan; Guna Tenaga; Pendapatan & Perbelanjaan; Pendidikan; Kesihatan; Perkhidmatan Kebajikan; Keselamatan Awam; Pelancongan, Pengangkutan dan Rekreasi; Internet dan Media Sosial; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Harga Pengguna, Eksport & Import, Pertanian dan Pembuatan.

Penerbitan kali ini meliputi 39 jadual baharu di peringkat nasional dan 18 di peringkat negeri dan 13 di peringkat daerah yang terdapat dalam maklumat asas; perumahan; guna tenaga; pendidikan; kesihatan; perkhidmatan kebajikan; pelancongan, pengangkutan & rekreasi; kemudahan asas; dan eksport & import.

Antara kandungan penemuan utama dari segi **demografi** mendapati jumlah penduduk di Malaysia dianggarkan 32.6 juta pada 2021. Berdasarkan anggaran Penduduk pertengahan tahun 2021, Petaling, Selangor merupakan daerah yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi iaitu 2.32 juta diikuti Johor Bahru, Johor (1.72 juta) dan Ulu Langat, Selangor (1.39 juta).

Dari segi sektor **kesihatan**, bilangan kes positif COVID-19 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan yang drastik iaitu kepada 2,645,076 kes berbanding 113,010 kes pada 2020. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan kempen vaksinasi kebangsaan COVID-19 pada 2021 dalam usaha membendung penularan COVID-19. Jumlah penerima vaksin COVID-19 yang telah menerima dua (2) dos lengkap vaksin pada tahun 2021 adalah seramai 24.99 juta orang bagi yang berumur 5 tahun dan ke atas. Di peringkat negeri, Selangor mencatatkan jumlah penerima vaksin COVID-19 tertinggi iaitu 4.68 juta orang berdasarkan lokasi pusat vaksinasi diikuti Johor (2.99 juta orang) dan W.P. Kuala Lumpur (2.96 juta orang).

Penemuan dalam bidang **pendidikan** menunjukkan terdapat 10,224 buah sekolah pada 2021 terdiri daripada 7,780 sekolah rendah dan 2,444 sekolah menengah. Bilangan guru sekolah rendah dan sekolah menengah pada 2021 masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus dan 2.3 peratus kepada 235,031 guru dan 175,987 guru. Dari segi kemudahan pendidikan di peringkat daerah, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah tertinggi iaitu

190 sekolah rendah dan 104 sekolah menengah masing-masing diikuti oleh Johor Bahru, Johor (181 sekolah rendah dan 87 sekolah menengah) dan Petaling, Selangor (148 sekolah rendah dan 77 sekolah menengah).

Bagi **pengangkutan**, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan antarabangsa bagi mengekang penularan COVID-19 telah dilaksanakan pada 2020 dan 2021. Hal ini telah menjasikan jumlah penumpang pengangkutan awam. Pada 2021, bilangan keseluruhan penumpang bagi perkhidmatan rel mencatatkan penurunan sebanyak 42.9 peratus kepada 78.5 juta penumpang berbanding 137.4 juta penumpang pada 2020. Penurunan pada 2021 adalah disebabkan banyak pengangkutan awam tidak beroperasi dan banyak jadual perjalanan telah dibatalkan semasa tempoh PKP. Tambahan pula, tempoh PKP pada 2021 lebih panjang berbanding 2020. Kesemua jenis perkhidmatan Rel menunjukkan penurunan bilangan penumpang pada 2021. KLIA Express mencatatkan penurunan tertinggi iaitu sebanyak 86.3 peratus kepada 53.3 ribu penumpang pada 2021 berbanding 388.9 ribu penumpang pada 2020. Ini diikuti oleh KTM Antarabandar, menurun sebanyak 70.8 peratus kepada 304.0 ribu penumpang dan KLIA transit dengan penurunan sebanyak 66.9 peratus kepada 725.0 ribu penumpang pada 2021.

Dari perspektif **perkhidmatan kebajikan**, bilangan kes baharu Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar adalah 37,572 orang pada 2021 berbanding 43,483 orang pada 2020. Kategori ketidakupayaan fizikal mencatatkan peratusan bilangan kes baharu OKU tertinggi iaitu 37.4 peratus diikuti masalah pembelajaran (36.3%) dan kategori ketidakupayaan penglihatan (8.5%). Pada 2021, seramai 519,160 rakyat Malaysia telah menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sabah merupakan negeri tertinggi menerima bantuan iaitu 63,245 orang, diikuti Johor (53,053 orang) dan Sarawak (51,231 orang).

Dari segi aspek **tenaga buruh**, pasaran buruh di Malaysia menunjukkan momentum pemulihan pada tahun 2021 apabila bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.8 peratus (+129.4 ribu orang) kepada 15.8 juta orang, selaras dengan prestasi ekonomi yang memberangsangkan susulan langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh kerajaan dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN). Sementara itu, Kadar Penyertaan

Tenaga Buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada 68.6 peratus (2020: 68.4%). Klang, Selangor dan Beluran, Sabah mencatatkan KPTB tertinggi di peringkat daerah sebanyak 77.9 peratus masing-masing dan diikuti oleh Petaling, Selangor (77.8%) dan Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (77.5%).


Berdasarkan statistik **perumahan**, bilangan tempat kediaman yang dicatatkan pada 2020 adalah 9.61 juta berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Di peringkat daerah, Petaling, Selangor mempunyai jumlah tempat kediaman yang tertinggi pada tahun 2020 iaitu 679,812 unit diikuti W.P. Kuala Lumpur (634,639 unit) dan Johor Bahru, Johor (610,314 unit).

Penerbitan ini dapat dijadikan rujukan dalam membuat perancangan di peringkat kerajaan tempatan dari segi penyediaan fasiliti awam, penambahbaikan perkhidmatan kebajikan dan meningkatkan tempat kediaman mampu milik. Statistik terperinci ini amat diperlukan dalam mengarus perdana sasaran sosioekonomi negara bagi pembangunan inklusif dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan menitikberatkan kesejahteraan rakyat.

My Local Stats 2021 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my). Penerbitan ini juga boleh diakses melalui **mobile apps** dan **aplikasi web** mulai November 2022.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut. Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022). Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.

**Carta 1: Bilangan sekolah rendah mengikut daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2021**




**Nota:** Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

**Carta 2: Bilangan sekolah menengah mengikut daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2021**




**Nota:** Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

**Carta 3: Bilangan stok unit kediaman sedia ada mengikut jenis rumah dan daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2021**



**Carta 4: Bilangan penerima vaksin covid-19 mengikut daerah tertinggi, Malaysia, 2021**



**Nota:** Data ini berdasarkan lokasi pusat pemberian vaksin

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**17 NOVEMBER 2022**

**Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 17<sup>th</sup> November 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT MY LOCAL STATS 2021**

---

***My Local Stats 2021 provides a variety of key socioeconomic information at district level, Petaling recorded the highest population at 2.32 million persons***

**PUTRAJAYA, 17<sup>th</sup> NOVEMBER 2022** – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published My Local Stats 2021, the fifth series since 2017. My Local Stats publication is released for all 156 administrative districts. Apart from that, it also publishes one publication for the whole country, 13 states publications and three Federal Territories publications. This publication provides the statistics needed for sustainable development planning. It integrates economic and social statistics at the administrative district level for the 2019 to 2021 time series.

The availability of more detailed statistics at the local level benefits state and district governments in improving policies, governance and people's socio-economic needs. Hence, when socioeconomic imbalances occur at the global level, data available up to the district level serves as a better input in the preparation of more targeted planning rather than the availability of data at the state and national levels only.

This publication comprises 12 social areas and eight economic areas including, Population; Housing; Labour Market; Income & Expenditure; Education; Health; Welfare Services; Public Safety; Communication and Recreation; Internet and Social Media;

*Gross Domestic Product (GDP), Consumer Price Index, Exports & Imports, Agriculture and Manufacturing.*

*This publication covers 39 new statistical tables at the national level and 18 at the state and 13 at the district levels which includes basic information; housing; employment; education; health; welfare services; tourism, transport & recreation; basic amenities; public safety and exports & imports.*

*Among the main findings in terms of **demography** found that the total population in Malaysia was estimated at 32.6 million in 2021. According to mid year population estimates based on Population and Housing Census 2020, Petaling, Selangor was the district with the highest population at 2.32 million followed by Johor Bahru, Johor (1.72 million) dan Ulu Langat, Selangor (1.39 million).*

*In terms of **health**, The number of COVID-19 positive cases showed a drastic increase to 2,645,076 cases as compared to 113,010 cases in 2020. The Malaysian government implemented the national vaccination campaign for COVID-19 in 2021 in an effort to curb the spread of the COVID-19. The number of COVID-19 vaccine recipients, who have received two (2) complete doses of the vaccine in 2021 were 24.99 million persons for those aged 5 years and above. At the state level, Selangor recorded the highest number of COVID-19 vaccine recipients at 4.68 million persons based on the location of vaccination centre followed by Johor (2.99 million persons) and W.P. Kuala Lumpur (2.96 million persons).*

*Findings in the **education** field showed that there were 10,224 schools in 2021 consisting of 7,780 primary schools and 2,444 secondary schools. The number of primary and secondary school teachers in 2021 recorded a decrease of 0.9 per cent and 2.3 per cent respectively to 235,031 teachers and 175,987 teachers. In terms of educational facilities at the district level, W.P. Kuala Lumpur recorded the highest number of primary and secondary schools namely 190 primary schools and 104 secondary schools respectively*

*followed by Johor Bahru, Johor (181 primary schools and 87 secondary schools) and Petaling, Selangor (148 primary schools and 77 secondary schools).*

As for **transportation**, movement control order (MCO) and closure of international border to curb the spread of COVID-19 were implemented in 2020 and 2021. It has affected the number of passengers for public transport. In 2021, the total number of passengers for rail services recorded a decrease of 42.9 per cent to 78.5 million passengers as compared to 137.4 million passengers in 2020. The decrease in 2021 was due to most of the public transport closure and more scheduled lines were cancelled during MCO. In addition, MCO in 2021 is longer than 2020. All types of Rail services showed a decrease in the number of passengers in 2021. KLIA Express recorded the highest decrease of 86.3 per cent to 53.3 thousand passengers in 2021 as compared to 388.9 thousand passengers in 2020. This was followed by KTM Intercity, which decreased by 70.8 per cent to 304.0 thousand passengers and KLIA transit with a decrease of 66.9 per cent to 725.0 thousand passengers in 2021.

*Based on the perspective of **welfare services**, The number of new registered cases of Persons with Disabilities (PWDs) were 37,572 persons in 2021 as compared to 43,483 persons in 2020. The physical disability category recorded the highest percentage of new cases of PWD at 37.4 per cent followed by learning disability (36.3%) and the vision disability category (8.5%). In 2021, a total of 519,160 Malaysians received assistance from the Social Welfare Department. Sabah was the state with the highest number of recipients at 63,245 persons followed by Johor (53,053 persons) and Sarawak (51,231 persons).*

*In terms of **employment**, Malaysia's labour market indicated a momentum of recovery in 2021 as the number of labour force increased by 0.8 per cent (+129.4 thousand persons) to 15.8 million persons, in line with the encouraging economic performance following the recovery measures taken by the government in the phase of the National Recovery Plan (NRP). Meanwhile, Labour Force Participation Rate (LFPR) increased by 0.2 percentage points to 68.6 per cent (2020: 68.4%). Klang, Selangor and Beluran, Sabah recorded the*

*highest LFPR at the district level of 77.9 per cent respectively followed by Petaling, Selangor (77.8%) and Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (77.5%).*


*Based on **housing** statistics, the number of living quarters recorded in 2020 were 9.61 million based on Population and Housing Census 2020. At the district level, Petaling, Selangor has the highest number of living quarters in 2020 which were 679,812 units followed by W.P. Kuala Lumpur (634,639 units) and Johor Bahru, Johor (610,314 units).*

*This publication can be used as a reference in planning at the local government level in terms of providing public facilities, improve welfare services and improve affordable housing. These detailed statistics are essential in mainstreaming the country's socio-economy target for inclusive development and ensuring sustainable economic growth by emphasizing the people's well-being.*

*My Local Stats 2021 can be downloaded for free on the Department of Statistics Malaysia portal **www.dosm.gov.my**. This publication will also be accessible through **mobile apps** and **web applications** starting November 2022.*


*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1 st January 2022 until 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information. Economic and social statistics publication namely *PocketStats* which contain quarterly and annual statistics can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022). Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".*

**Chart 1: Number of primary schools by highest administrative district,  
Malaysia, 2021**




**Note:** Refer to government and government-aided schools

**Chart 2: Number of secondary schools highest by administrative district,  
Malaysia, 2021**




**Note:** Refer to government and government-aided schools

**Chart 3: Number of existing stock of residential units by administrative district and type, Malaysia, 2021**



**Chart 4: Number of COVID-19 vaccine recipients by administrative district Malaysia, 2021**



**Note:** This data is based on the location of vaccination centre

Released by:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**17<sup>th</sup> NOVEMBER 2022**